

APLIKASI MUDAH ALIH PENGURUSAN KEWANGAN DAN ASET PERIBADI

VINCENT OUI GUO BIN
TS. DR. HASIMI BIN SALLEHUDIN

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Aset peribadi (seperti komputer riba, kereta, jam tangan dan lain-lain) dan pengurusan kewangan adalah asas dan penting untuk mengekalkan disiplin ke arah pengendalian sasaran yang ditetapkan dan menawarkan potensi pertumbuhan modal untuk membantu memenuhi matlamat jangka panjang kita. Aset peribadi dan pengurusan kewangan dapat meningkatkan nilai ekonomi sesebuah negara melalui pelaburan swasta. Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi semasa melakukan pengiraan aset peribadi dan juga pengurusan kewangan. Masalah yang pertama adalah seseorang mempunyai terlalu banyak aset yang perlu dijumlahkan dan juga perlu diasingkan mengikut kategori. Masalah yang kedua adalah, tidak kira di Apple's Apps Store atau di Google Play Store, masih tiada aplikasi mudah alih yang dapat mengira aset peribadi dan melakukan pengurusan kewangan dalam satu aplikasi yang sama. Penyelesaian untuk masalah-masalah tersebut adalah membangunkan sebuah aplikasi mudah alih yang dapat menguruskan aset peribadi dengan tepat dan aplikasi mudah alih yang menggabungkan kedua-dua aplikasi mudah alih aset peribadi dan pengurusan kewangan. Selepas penggabungan kedua-dua aplikasi dilakukan, aplikasi ini akan menjalankan proses pengubahsuaian supaya ia mesra pengguna. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan penyediaan Google forms untuk diisi oleh 30 responden bagi tujuan membuat penambahbaikan terhadap aplikasi yang sedia ada. Maklum balas dari responden akan dipertimbangkan untuk pembangunan aplikasi mudah alih tersebut. Perisian yang digunakan untuk membangunkan aplikasi mudah alih ini adalah Android Studio dan pangkalan data yang digunakan untuk menyimpan data pengguna menggunakan pangkalan data Firebase. Kesan dan hasil aplikasi mudah alih ini adalah memberi kesenangan kepada pengguna semasa pengguna melakukan pengiraan aset peribadi, aplikasi ini juga akan mengasingkan aset peribadi mengikut kategori yang juga matlamat utama aplikasi ini. Akhir sekali, aplikasi mudah alih ini akan memberi laporan kewangan secara keseluruhannya, laporan kewangan tersebut akan menyenaraikan status peningkatan dan penurunan aset peribadi pengguna. Tujuan laporan kewangan tersebut yang menunjukkan keseluruhan aset peribadi mengikut masa yang ditetapkan oleh pengguna adalah kerana laporan tersebut dapat membantu pengguna dalam melakukan pengurusan kewangan.

1 PENGENALAN

Perancangan kewangan peribadi amat penting untuk mengelakkan individu daripada hutang dan lebih serius muflis. Literasi kewangan ini adalah asas dalam perancangan kewangan peribadi. Literasi kewangan adalah kemampuan untuk memahami dan menggunakan pelbagai kemahiran dan ilmu kewangan dengan berkesan, ini termasuk pengurusan kewangan peribadi, penganggaran dan pelaburan. Terdapat satu penyelidikan daripada Financial Industry Regulatory Authority (FINRA) menyatakan bahawa 66% rakyat Amerika kurang atau tiada langsung ilmu dalam kewangan. Penyelidikan ini juga menyatakan adalah biasa dalam kalangan rakyat Amerika. Satu lagi penyelidikan daripada Financial Health menyatakan bahawa di seluruh dunia, satu pertiga orang dewasa memahami konsep asas kewangan dan empat daripada tujuh rakyat Amerika tidak mempunyai ilmu asas tentang kewangan.

Kebelakangan ini, kes muflis yang melibatkan individu semakin meningkat disebabkan oleh kegagalan perancangan kewangan. Menurut statistik yang ada, lebih daripada 1.5 juta individu mengajukan muflis setiap tahun. Di Malaysia, satu statistik yang disumbangkan oleh Jabatan Insolvensi menyatakan terdapat 84,850 rakyat Malaysia yang diisytiharkan muflis antara tahun 2015 dan 2019. Dalam laporan yang sama, sebilangan besar kes kemuflian terutamanya disebabkan oleh kegagalan perancangan kewangan, iaitu melibatkan menanggung hutang yang dibuat dari pembelian ansuran, pinjaman peribadi dan hutang kad kredit.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada individu gagal dalam perancangan kewangan. Punca yang pertama adalah individu tidak dapat membezakan keperluan dan kehendak. Ini kerana individu kurang ilmu pengetahuan dalam mengklasifikasi perbelanjaan mereka. Selain itu, menyalahgunakan kredit dan menghancurkan skor kredit mereka. Kebanyakan individu menyalah urus kad kredit mereka dan mereka akhirnya terperangkap dalam pusingan hutang. Seterusnya adalah tidak mempunyai rancangan awal untuk kewangan mereka. Ini disebabkan, individu tidak menyenaraikan apakah mereka yang ingin lakukan seperti pembayaran bil, pembelian keperluan asas dan lain-lain.

Dalam era globalisasi ini, penggunaan sistem atau aplikasi mudah alih adalah asas untuk melakukan sesuatu perkara adalah asas. Kegagalan perancangan kewangan pada masa kini disebabkan oleh kekurangan aplikasi mudah alih yang mempunyai fungsi asas seperti pendapatan, perbelanjaan, pengiraan aset dan liabiliti. Masalah kekurangan aplikasi mudah alih

di platform seperti Google Play Store menyusahkan individu untuk membuat perancangan kewangan dengan betul.

2 PENYATAAN MASALAH

Selepas menjalankan pengajian, kekurangan dan masalah yang sedia ada dengan penggunaan aplikasi pengurusan kewangan dan aset peribadi terdedah.

Dalam aplikasi pengurusan kewangan dan aset peribadi yang sedia ada dalam pasaran, data aset peribadi yang dimasukkan mengikut kategori tidak dapat diasingkan untuk membuat kiraan berasingan. Individu lebih senang membuat pengurusan kewangan dengan adanya fungsi untuk membuat pengiraan secara berasingan. Pengiraan secara keseluruhan telah mengakibatkan individu tidak dapat membuat kiraan yang fleksibel, akibatnya ia memberi satu imej yang negatif kepada individu.

Fungsi yang paling asas dalam pembangunan untuk kebanyakan aplikasi mudah alih adalah fungsi untuk membuat perubahan tersuai mengikut kehendak individu. Kekurangan fungsi tersebut akan menyusahkan individu untuk melaksanakan tugas yang diingini. Dalam aplikasi pengurusan kewangan dan aset peribadi yang sedia ada dalam pasaran, aplikasi tersebut tidak menyediakan fungsi untuk perubahan tersuai. Contohnya, individu tidak dapat masukkan julat tarikh secara tersuai untuk melihat rekod dan juga carta berdasarkan aset peribadi mereka. Contoh kedua adalah individu tidak dapat menambah kategori untuk aset peribadi, dan sebaliknya kategori tetap disediakan untuk individu.

Kemaskini adalah penting bagi pemprosesan laporan kewangan dari semasa ke semasa. Kebanyakan aplikasi mudah alih pengurusan kewangan dan aset peribadi tidak menyediakan fungsi tersebut. Ini kerana mungkin individu akan lupa untuk masukkan data pada hari tersebut. Fungsi ini penting bagi memastikan laporan kewangan dan data rekod aset peribadi adalah terkini dan tepat bagi menjana laporan kewangan.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah untuk membangunkan dan menguji aplikasi mudah alih pengurusan kewangan dan aset peribadi.

4 METOD KAJIAN

Metodologi yang digunakan untuk pembangunan aplikasi ini adalah Model Air Terjun. Model ini mempunyai 5 fasa iaitu: Perancangan, Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, dan akhirnya, Pengujian. Setiap fasa haruslah disiapkan sebelum menuju ke fasa yang seterusnya. Sekiranya terdapat masalah di sesesuai fasa, maka perlu kembali ke fasa sebelumnya untuk menyempurnakan projek.

4.1 Fasa Perancangan

Perancangan projek akan dijalankan dalam fasa ini. Setelah membuat pemilihan tajuk, kajian kesusasteraan akan dijalankan untuk mengenal pasti masalah serta mengaji latar belakang masalah. Perbandingan antara aplikasi yang sedia ada di platform tertentu turut dijalankan bagi memahami keperluan sistem dan fungsi utama. Jadual pembangunan projek akan dirancang bagi memastikan kerja-kerja dapat disiapkan dalam masa yang ditentukan. Percambahan fikiran dilaksanakan bagi mengumpul lebih banyak idea untuk projek tersebut. Selain itu, cadangan penyelesaian dan idea awal akan dijanakan dalam fasa ini.

4.2 Fasa Analisis

Dalam fasa ini, analisis akan dijalankan atas masalah yang dikenal pasti dan atas sistem yang sedia ada. Bagi memahami kepentingan aset peribadi dan pengurusan kewangan kepada individu, tinjauan akan dijalankan. Tinjauan turut bertujuan mengumpul maklum balas individu terhadap aplikasi cadangan penyelesaian masalah serta mengenal pasti apakah fungsi yang diperlukan dan disukai individu dalam aplikasi yang sedia ada. Sistem operasi telefon pintar untuk aplikasi yang akan dibangunkan turut ditentukan iaitu Android disebabkan penggunaannya yang lebih luas di peringkat global, 2.5 bilion pengguna aktif (David Curry, 2021). Dalam fasa ini, perisian-perisian yang akan digunakan dalam pembangunan projek akan ditentukan.

Keperluan minimum sistem operasi telefon pintar pengguna turut ditentukan. Akhirnya, spesifikasi kes guna bagi setiap fungsi akan direka.

4.3 Fasa Reka Bentuk

Penyediaan proses reka bentuk akan dijalankan. Penyelidikan atas cara pembangunan aplikasi pengurusan kewangan dan aset peribadi termasuknya pembangunan pangkalan data dan algoritma akan dilaksanakan. Antara muka akan direka berdasarkan interaksi manusia komputer bagi menghasilkan aplikasi yang mudah diguna. Antara muka bagi setiap fungsi aplikasi akan direka menggunakan aplikasi *mockup*. Soal selidik akan dijalankan dengan menggunakan Google Forms untuk mengumpul maklum balas individu terhadap antara muka yang direka bagi memastikan antara muka yang direka adalah mudah difahami serta mesra pengguna. Reka bentuk pangkalan data turut akan ditentu untuk memastikan kecekapan sistem. Algoritma seperti algoritma pengiraan aset peribadi yang akan digunakan dalam aplikasi turut direka dalam fasa ini.

4.4 Fasa Pembangunan

Perisian aplikasi yang akan digunakan ialah Android Studio. Bahasa Pengaturcaraan yang akan digunakan ialah Java. Antara muka akan direkakan dengan Adobe XD. Antara muka dan bentuk pangkalan data yang telah direka di fasa reka bentuk akan dibangunkan menggunakan Android Studio. Pangkalan data turut akan dibina menggunakan Firebase.

4.5 Fasa Pengujian

Proses pengujian dan penilaian akan dijalankan dalam fasa ini bagi memastikan projek berfungsi dengan lancar. Semua fungsi aplikasi akan diuji untuk mengelakkan ketidakfungsian tertentu. Pengujian turut dilaksanakan untuk memastikan tiada *bugs* dan error semasa penggunaan aplikasi. Selain itu, aplikasi ini akan menggunakan ujian penggunaan oleh orang ramai sebagai suatu kaedah pengujian. Ini adalah untuk memastikan fungsi dan antara muka aplikasi adalah mesra pengguna. Maklum balas daripada individu akan dicatat seterusnya penambahbaikan aplikasi akan dijalankan.

5 HASIL KAJIAN

Implementasi aplikasi telah dijalankan berdasarkan keperluan-keperluan serta reka bentuk yang telah ditentukan. *Android Studio* merupakan *Integrated Development Environment (IDE)* utama yang digunakan untuk pembangunan sistem. Bahasa kod yang digunakan adalah Java. *Firebase Realtime Database* telah digunakan sebagai sistem pengurusan pangkalan data. Beberapa fungsi yang ditawarkan oleh Google Firebase turut diimplementasikan seperti *Firebase Authentication* serta *Firebase Realtime Database*. Hasil-hasil implementasi akan dibincangkan mengikut modul-modul yang telah ditentukan.

Bagi pembangunan aplikasi pengguna penghantar makanan, *Android Studio*, bahasa pengekod Jawa, serta alat-alat Firebase turut digunakan. Metals API juga digunakan.

5.1 Modul Pendaftaran dan Log Masuk Pengguna

Bagi pengesahan pengguna, *Firebase Authentication* telah digunakan. *Firebase Authentication* merupakan suatu fungsi dan platform yang ditawarkan oleh Google bagi tujuan pengesahan pengguna. Platform ini akan mengendalikan aktiviti pengesahan pengguna dalam pendaftaran dan log masuk aplikasi.

Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk pendaftaran seperti menggunakan e-mel dengan kata laluan, menggunakan akaun Google, Facebook, Apple dan lain-lain. Bagi aplikasi ini, kaedah pendaftaran pengguna yang digunakan adalah kaedah e-mel dengan kata laluan. Pengguna haruslah memasukkan e-mel yang mereka mencipta semasa pendaftaran dan kata laluan bagi setiap sesi log masuk. Setiap pengguna yang berjaya mendaftarkan diri akan diberi suatu UID oleh *Firebase Auth*.



Rajah 1 Antara Muka bagi Modul Pendaftaran dan Log Masuk


5.2 Modul Mencipta Rekod Aset

Salah satu fungsi utama bagi pengguna aplikasi pengurusan kewangan dan aset peribadi ini merupakan mencipta rekod aset di mana pengguna boleh memasukkan data mengikut kategori yang ditetapkan oleh pengguna dan pengguna dapat membuat nota ringkasan mengenai aset yang direkodkan tersebut.

a. Fungsi Memasukkan Rekod Data Aset

Halaman aset setelah memilih pilihan *Networth*, merupakan aktiviti aset. Bagi aktiviti aset, sistem akan memaparkan antara muka bagi memasukan data aset yang diinginkan. Setelah memasukkan data aset, pengguna akan diarahkan untuk memilih kategori yang sesuai untuk aset


tersebut. Setelah memasukkan semua maklumat aset yang diinginkan, maklumat yang dimasukkan akan dipaparkan kepada pengguna dengan tarikh semasa.



Rajah 2 Antara Muka Kemasukan Rekod Data Aset Pengguna

b. Fungsi Kemaskini dan Pemandaman Data Aset

Setelah pengguna memasukkan data aset ke dalam sistem tersebut, pengguna boleh membuat pengemaskinian rekod data dan juga pemandaman data yang diinginkan. Pengemaskinian data akan menggunakan tarikh semasa untuk data yang baru dikemaskinikan. Susunan rekod data dipaparkan mengikut susunan tarikh yang terbaru.




Rajah 3 Antara Muka Kemaskini dan Pemandaman Rekod Data Aset Pengguna

5.3 Modul Mencipta Rekod Liabiliti

Salah satu fungsi utama bagi pengguna aplikasi pengurusan kewangan dan aset peribadi ini merupakan mencipta rekod liabiliti di mana pengguna boleh memasukkan data mengikut kategori yang ditetapkan oleh pengguna dan pengguna dapat membuat nota ringkasan mengenai aset yang direkodkan tersebut.

a. Fungsi Memasukkan Rekod Data Liabiliti


Halaman aset setelah memilih pilihan *Networth*, merupakan aktiviti aset. Bagi aktiviti liabiliti, sistem akan memaparkan antara muka bagi memasukan data liabiliti yang diinginkan. Setelah memasukkan data liabiliti, pengguna akan diarahkan untuk memilih kategori yang sesuai untuk liabiliti tersebut. Setelah memasukkan semua maklumat liabiliti yang diinginkan, maklumat yang dimasukkan akan dipaparkan kepada pengguna dengan tarikh semasa.



Rajah 4 Antara Muka Kemasukan Rekod Data Liabiliti Pengguna

b. Fungsi Kemaskini dan Pemandaman Data Liabiliti

Setelah pengguna memasukkan data liabiliti ke dalam sistem tersebut, pengguna boleh membuat pengemaskinian rekod data dan juga pepadaman data yang diinginkan. Pengemaskinian data akan menggunakan tarikh semasa untuk data yang baru dikemaskinikan. Susunan rekod data dipaparkan mengikut susunan tarikh yang terbaru.




Rajah 5 Antara Muka Kemaskini dan Pemadaman Rekod Data Liabiliti Pengguna

5.4 Modul Mencipta Belanjawan Bulanan

Salah satu fungsi utama bagi pengguna aplikasi pengurusan kewangan dan aset peribadi ini merupakan mencipta belanjawan bulanan di mana pengguna boleh mencipta satu belanjawan bulanan mengikut kategori yang ditetapkan oleh pengguna dan pengguna dapat membuat nota ringkasan mengenai belanjawan yang ingin direkodkan tersebut. Belanjawan bulanan tersebut akan dipaparkan di laman utama belanjawan dalam satu jadual untuk memudahkan pengguna untuk melihat rekod belanjawan tersebut.

a. Fungsi Memasukkan Data Belanjawan Bulanan


Selepas pengguna memasuki antara muka belanjawan, pengguna harus mencipta satu belanjawan bulanan untuk menjejaki perbelanjaan pengguna dan juga memastikan pengguna tidak melebihi belanjawan yang ditetapkan oleh pengguna. Pengguna boleh menambahkan *item* dengan menekankan butang *floating action* “+” pada bawah kanan antara muka belanjawan bulanan tersebut.




Rajah 6 Antara Muka Mencipta Data Belanjawan Bulanan Pengguna

b. Fungsi Kemaskini dan Pemandaman Data Belanjawan Bulanan

Setelah pengguna mencipta rekod belanjawan bulanan ke dalam sistem tersebut, pengguna boleh membuat pengemaskinian rekod data dan juga pepadaman data yang diinginkan. Pengemaskinian data akan menggunakan tarikh semasa untuk data yang baru dikemaskinikan. Susunan rekod data dipaparkan mengikut susunan tarikh yang terbaru. Pengguna boleh memilih *item* yang ingin dikemaskini atau dipadamkan dengan memilih butang “*UPDATE*” untuk membuat pengemaskinian data dan butang “*DELETE*” untuk memadamkan data yang tidak diperlukan.




Rajah 7 Antara Muka Kemaskini Rekod Data Belanjawan Bulanan Pengguna




Rajah 8 Antara Muka Pemadaman Rekod Data Belanjawan Bulanan Pengguna

5.5 Modul Mencipta Perbelanjaan Harian, Mingguan dan Bulanan

Salah satu fungsi utama bagi pengguna aplikasi pengurusan kewangan dan aset peribadi ini merupakan mencipta perbelanjaan harian di mana pengguna boleh mencipta satu belanjawan harian mengikut kategori yang ditetapkan oleh pengguna dan pengguna dapat membuat nota ringkasan mengenai perbelanjaan yang ingin direkodkan tersebut. Perbelanjaan harian tersebut akan dipaparkan di antara muka sama dengan mencipta perbelanjaan harian. Untuk perbelanjaan mingguan dan juga perbelanjaan bulanan, rekod data tersebut adalah menggunakan rekod data harian. Ciptaan rekod data harian akan membawa ke hadapan iaitu perbelanjaan mingguan, dan rekod data perbelanjaan mingguan akan membawa ke hadapan iaitu perbelanjaan mingguan. Simpanan untuk akhir bulan akan dikira berdasarkan belanjawan yang diberikan dan juga perbelanjaan bulanan yang telah ditambahkan secara keseluruhan.




Rajah 9 Antara Muka Mencipta Data Perbelanjaan Harian Pengguna



Rajah 10 Antara Muka Pemaparan Data Perbelanjaan Harian, Mingguan Dan Bulanan Pengguna

5.6 Modul Mencari Rekod Aset, Liabiliti dan Belanjawan


Fungsi ini adalah membuat pencarian untuk rekod seperti aset, liabiliti dan belanjawan. Pengguna boleh membuat pencarian melalui kata kunci dalam “*Description*”. Setelah pencarian tersebut adalah sah, rekod untuk kata kunci tersebut akan dipaparkan di antara muka pencarian rekod tersebut. Disebabkan modul untuk pencarian rekod aset, liabiliti dan belanjawan adalah sama, modul aset sahaja akan dibincangkan.



Rajah 11 Antara Muka Pemaparan Data Pencarian Rekod Aset Pengguna

5.7 Modul Pemaparan Data Nilai Pasaran Logam Berharga

Fungsi ini adalah untuk memaparkan nilai pasaran untuk logam berharga. Antara muka tersebut memaparkan beberapa nilai logam berharga yang biasa dicari oleh pengguna. Nilai pasaran akan dikemaskinikan setelah pengguna menekankan butang “REFRESH”. Nilai pasaran yang dipaparkan adalah nilai semasa di pasaran.



Rajah 11 Antara Muka Fungsi Pemaparan Data Nilai Pasaran Logam Berharga

5.8 Pengujian

Dua pengujian iaitu pengujian kes guna serta pengujian kebolehgunaan telah dilaksanakan. Hasil pengujian utama menunjukkan modul-modul serta setiap fungsi yang dirangkumi oleh modul-modul ini boleh berjalan dengan lancar dan tiada ralat. Selain itu, hasil pengujian kebolehgunaan turut menunjukkan pengguna berpuas hati pembangunan sistem secara keseluruhan. Analisis *median* yang dijalankan atas hasil pengujian kebolehgunaan turut memberi keputusan bahawa hasil soal selidik adalah boleh dipercayai.

6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, aplikasi pengurusan kewangan dan aset peribadi ini mempunyai potensi yang besar. Kesedaran kepentingan membuat pengurusan kewangan semakin penting dalam masyarakat. Aplikasi ini menyediakan suatu platform bagi pengguna untuk membuat perancangan kewangan dan menguruskan aset peribadi.

Pengurusan kewangan yang baik merupakan suatu faktor yang penting dan berguna dalam memastikan kesihatan kewangan pengguna adalah dalam keadaan yang baik. Dengan merujuk kepada data rekod kewangan pengguna, barulah seseorang boleh memantau situasi kewangan sendiri dalam aras yang sihat. Dengan menyediakan fungsi-fungsi ini, projek aplikasi ini akan mempunyai faktor-faktor yang boleh bersaing dengan aplikasi pengurusan kewangan dan aset peribadi yang sedia ada dalam pasaran, terutamanya dengan ketersediaan pengurusan kewangan yang dijamin berguna dalam aplikasi projek ini.

7 RUJUKAN

- Adam Hayes. (2021, May 31). *Cash Flow*. Investopedia. <https://www.investopedia.com/terms/c/cashflow.asp>
- Adib Povera. (2021, January 2). *Country's current size of civil services is still ideal*. New Straits Times online. <https://www.nst.com.my/news/nation/2021/01/653936/countrys-current-size-civil-service-still-ideal-says-cuepacs>
- Akhilesh Ganti. (2021, February 11). *Net Worth*. Investopedia. <https://www.investopedia.com/terms/n/networth.asp>
- Ana Cecilia Aguirre. (2020, March 20). *How to easily update and maintain asset inventory*. Retain. <https://retaintechologies.com/en/how-to-easily-update-and-maintain-asset-inventory/>
- Chizoba Morah. (2021, June 13). *Evaluating Your Personal Financial Statements*. Investopedia. <https://www.investopedia.com/articles/pf/08/evaluate-personal-financial-statement.asp>
- Chris B. Murphy. (2020, September 9). *Financial Statements*. Investopedia. <https://www.investopedia.com/terms/f/financial-statements.asp>
- Department of Statistics Malaysia Official Portal. (2011, June 22). *Malaysia Summary of The International Investment Position 2010*. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemedByCat&cat=87&bul_id=UnBycG5Uak1wYndDOFV1b2dRcit3dz09&menu_id=azJjRWpYL0VBVBU90TVhpcIByWjdMQT09
- F. Norrestad. (2021, August 26). *Private Wealth Management – statistics & facts*. Statista. <https://www.statista.com/topics/2282/private-wealth-management/>
- Finsmes. (2019, August 16). *Benefits of Using Personal Finance Apps*.

<https://www.finsmes.com/2019/08/benefits-of-using-personal-finance-apps.html>

Gregory Hamel. (2021, July 3). *Examples of Personal Assets*. Sapling.

<https://www.sapling.com/12085934/examples-personal-assets>

<https://wikifinancepedia.com/finance/financial-management-definition-examples>

Indeed Editorial Team. (2021, March 24). *How To Find Your Total Assets and What To Include*.

<https://www.indeed.com/career-advice/career-development/total-assets>

Jason Fernando. (2021, February 4). *Balance Sheet*. Investopedia.

<https://www.investopedia.com/terms/b/balancesheet.asp>

LSBF Staff. (2018, September 7). *What is the importance of Financial Management*.

<https://www.lsb.org.uk/blog/news/importance-of-financial-management/117410>

Michael Rosenston. (2021, July 3). *Best Budgeting Apps*. [https://www.investopedia.com/best-](https://www.investopedia.com/best-budgeting-apps-5085405)

[budgeting-apps-5085405](https://www.investopedia.com/best-budgeting-apps-5085405)

Nowloan. (2020, May 12). *The Pros and Cons of Financial Apps*. UKTN.

<https://www.uktech.news/the-pros-and-cons-of-financial-apps>

Sagar Shah. (2016). *What is Financial Management? Definition and Examples*. WikiFinancepedia.

<https://wikifinancepedia.com/finance/financial-management-definition-examples>

Shelly Stazzone. (2021, August 17). *Top Inventory management Apps: The 36 Best iPhone and Android Apps to Better Manage and Track Inventory*. [https://www.camcode.com/asset-](https://www.camcode.com/asset-tags/inventory-management-apps/)

[tags/inventory-management-apps/](https://www.camcode.com/asset-tags/inventory-management-apps/)

Sunjay Chopra. (2021, June 2). *Why personal financial is crucial in everyday life*.

[https://www.financialexpress.com/money/why-personal-finance-is-crucial-in-everyday-](https://www.financialexpress.com/money/why-personal-finance-is-crucial-in-everyday-life/2263454/)

[life/2263454/](https://www.financialexpress.com/money/why-personal-finance-is-crucial-in-everyday-life/2263454/)

Suzy Strutner. (2020, October 2). *Financial Management Explained: Scope, Objective and Importance*. [https://www.netsuite.com/portal/resource/articles/financial-management/financial-](https://www.netsuite.com/portal/resource/articles/financial-management/financial-management.shtml)

[management.shtml](https://www.netsuite.com/portal/resource/articles/financial-management/financial-management.shtml)